

Newspaper	Berita Harian
Date	14 August 2015

Jamin tangani isu ringgit


» **Pertumbuhan 4.9 peratus bukti ekonomi negara pada landasan stabil: PM**

Oleh **Sophia Ahmad**
sophia@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Kerajaan memberi jaminan akan mencuba se-berapa daya menangan-kan kejatuhan ringgit bagi men-stabUkan ekonomi negara.

Perdana Menteri, Datuk Se-ri Najib Razak, berkata per-tumbuhan ekonomi negara

 **Najib Razak**

Di kala segelintir pihak yang melakar gambaran negatif bagi keadaan ekonomi negara, laporan daripada Bank Negara Malaysia | Central Bank of Malaysia (Official) hari ini memberikan situasi sebenar di mana Malaysia mencatat pertumbuhan KDNK stabil dan sederhana sebanyak 4.9% pada suku kedua 2015.

Bandingkan juga dengan negara-negara lain.

bagi suku kedua 2015 di-umumkan oleh Bank Negara Malaysia pada kadar 4.9 peratus ketika negara berdepan cabaran faktor luaran dan da-laman termasuk lakaran ne-gatif oleh pihak tertentu terhadap ekonomi negara.

"Hari ini (semalam) dalam laporan terkini oleh Bank Ne-gara Malaysia menunjukkan bahawa pertumbuhan ekono-

mi tetap berada pada landasan yang stabil dengan mencatat-kan kadar pertumbuhan se-banyak 4.9 peratus pada suku kedua 2015," katanya dalam blognya malam tadi.

Punca ringgit jatuh

Perdana Menteri turut menye-naraikan faktor yang menye-babkan nilai ringgit menyusut iaitu:

- Tindakan kerajaan China menurunkan mata wang yuan sekali gus menyebabkan ke-jatuhan mata wang negara ASEAN yang lain;

- Penurunan harga komo-diti seperti minyak, minyak sa-wit dan getah secara menda-dak juga telah menyebabkan kejatuhan ringgit, lebih-lebih lagi kerana Malaysia adalah pengeluar komoditi-komoditi tersebut.

- Jangkaan bahawa Amerika Syarikat akan menaikkan kadar faedah membuatkan ramai pe-labur di serata durjia memin-dahkan dana merelca ke dalam mata wang Amerika Syarikat.

- Adanya mainan dan spe-kulasi pohtik yang keterlaluan menyebabkan sentimen yang tidak menentu terhadap pen-tadbiran negara.

BH- 14/8/2015